

YANG JELAS DAN YANG KAMU

YANG JELAS

SEMINAR MAK NYAH
24HB & 25HB OKTOBER 1987

"KE ARAH MENENTUKAN IDENTITI DAN STATUS MAK NYAH
DALAM MASYARAKAT"

Permen Perniagaan Nasik	"Jantina : Lelaki"
skolah ditulis	"Jantina : Lelaki"


YANG KAMU

"MAK NYAH DARI SEGI UNDANG-UNDANG NEGARA"

oleh

NIK ABDUL RASHID BIN NIK ABDUL MAJID

Fakulti Undang-Undang
Universiti Malaya
Oktoper 1987



Inilah antara beberapa masalah yang dihadapi oleh
 pada FAKTA YANG JELAS ... DAN YANG KABUR menyangkut surat
 beranak, kad kenalan, lesen memandu dan lain-lain dokumen yang
YANG JELAS

Surat Beranak ditulis secara "Jantina : Lelaki" tetapi menggunakan tandas perempuan,

kerana mereka berpakaian perempuan cukup dengan bedak, gincu

Surat Beranak ditulis secara "Jantina : Lelaki" beranak,

Borang Permohonan Masuk Sekolah ditulis seperti "Jantina : Lelaki"

Kad Kenalan ditulis "Jantina : Lelaki"

segi bincangnya mereka masih lagi lelaki.

Surat Berhenti Sekolah ditulis "Jantina : Lelaki"

Lesen Memandu ditulis "Jantina : Lelaki"

Sijil-sijil lain ditulis "Jantina : Lelaki".

masalah yang besar yang merupakan satu beban kepada negara.

Bilangan mereka pada bertambah dan tempat yang mereka kunjungi

YANG KABUR

pula telah menjadi buah mulut orang ramai. Walaupun ramai di

kelang Penggunaan Tandas Lelaki? Perempuan?

Peperiksaan Tubuh Badan bagi Lelaki? Perempuan?

maksud Kastam, ISA,

Imigresen dan Lelaki? Perempuan?

Penerbangan Awam

Perkahwinan ... dengan siapa? Lelaki? Perempuan?

Sukan, gelanggang siapa?

lawan siapa? Lelaki? Perempuan?

Apabila sakit, Wad mana?

Lelaki? Perempuan?

Apabila didapati bersalah
dan dihukum penjara.

Penjara mana? Lelaki? Perempuan?

Jika mereka dirogol, sidi-
tuduh hendaklah dituduh
kerana merogol, rogol
siapa?

Lelaki? Perempuan?

Apabila mereka mati, batu
nesan jenis mana?

Bulat? Leper?

Inilah antara beberapa masalah yang dihadapi oleh negara pada masa ini. Masalah orang yang memegang surat beranak, kad kenalan, lesen memandu dan lain-lain dokumen yang disebut "Jantina : Lelaki" tetapi menggunakan tandas perempuan, kerana mereka berpakaian perempuan cukup dengan bedak, gincu dan "make-up" seolah-olah mereka itu perempuan, bercakap, berlagak dan bertindak seperti perempuan, berfikir seperti perempuan dan menganggap diri mereka perempuan walaupun dari segi biologinya mereka masih lagi lelaki.

"Di Malaysia, terdapat beribu-ribu orang sedemikian dan di bandar-bandar besar" pula, mereka adalah merupakan satu masalah yang besar yang merupakan satu beban kepada negara. Bilangan mereka pula bertambah dan tempat yang mereka kunjungi pula telah menjadi buah mulut orang ramai. Walaupun ramai di kalangan mereka telah dihadapkan ke Mahkamah kerana berkelakuan sumbang, "mencari pelanggan" (soliciting), namun tindakan itu tidaklah menakutkan mereka.

Kertas ini ditulis dengan suatu kesedaran bahawa masalah ini kian lama kian merebak dan menjalar hingga ke tahap yang ia menjadi berleluasa dan bermaharajalela dan jika masalah ini tidak diselesaikan segera, ianya akan menjadi satu fenomena baru. Adalah dikhawatirkan bahawa jika masalah ini dibiarkan berterusan, maka ada kemungkinan dalam tahun 2500 nanti, jantina tidak lagi menjadi suatu faktor yang mustahak yang

disanjung tinggi, yang menjadi kebanggaan dalam kehidupan manusia, dan dengan demikian taraf manusia di abad ke 25 adalah sama dengan haiwan, abad yang tidak memerlukan banyak tandas, abad di mana manusia akan menjadi bahan kajian para saintis untuk menunjukkan kebolehan dan kepakaran masing-masing, abad yang mentertawakan hukum-hakam dan ciptaan Tuhan.

TAKRIFAN

Kertas ini cuba meminjam konsep matematik dalam ilmu Algebra untuk menggelar sesuatu yang masih kabur sebagai X. X dalam ilmu Algebra ialah sesuatu yang belum pasti, kabur, samar. Dalam konteks jantina, sehinggalah ke suatu masa di mana Parlimen akan menentukan samaada X = L atau X = P atau X akan kekal sebagai X, maka lebih baik kita menggunakan X sahaja. Ini adalah berdasarkan kepada beberapa sebab.

Pertama, panggilan "pondan atau papok" boleh diberikan kepada mereka yang mempunyai anggota kelakian tetapi tidak berlagak seperti lelaki. Mereka adalah lelaki. Mereka tidak bergaul dengan "Mak Nyah", dan mereka tidak berpakaian perempuan, tidak "make-up" seperti Mak Nyah.

Kedua, panggilan "Mak Nyah" adalah dianggap suatu penghinaan kerana mereka dikaitkan dengan kegiatan maksiat.

Ketiga, apabila pondan atau Mak Nyah telah menjalani pembedahan jantina di luar negeri umpamanya, mereka bukan lagi pondan atau Mak Nyah kerana konsep pondan itu telah hilang.

Walaupun masalah ini telah wujud semenjak zaman berzaman, namun tidak banyak kajian dalam negeri dibuat ke atas masalah ini, terutama kajian dalam bidang undang-undang. Hingga kini hanya terdapat sebuah kertas projek yang ditulis oleh seorang siswa undang-undang pada sesi 1983/84, Yuet Kit Lee "Socio-Legal Aspects of Transsexualism and Sex Reassignment Surgery". Kertas ini banyak berpandukan kepada kertas projek ini.

II

Dengan anggapan bahawa kaum wanita adalah berhendak dan

berkehendakkan pertolongan dan perlindungan maka dengan

LELAKI DAN PEREMPUAN : SUATU REALITI?

undang-undang, maka undang-undang negara telah digubal untuk

Semenjak zaman Adam dan Hawa, manusia dibahagikan

kepada dua jenis: lelaki dan perempuan. Penjenisan ini dibuat

kerana terdapat banyak perbezaan antara lelaki dan perempuan -

samada dari segi biologi, sosiologi dan saikologi, maka undang-

undang cuba menentukan perbezaan lelaki-perempuan ini semata-

mata kerena kehendak masyarakat adalah sedemikian rupa, kerena

masyarakat berkehendakkan perbezaan. Jantina seseorang

individu adalah merupakan faktor asasi dan faktor penentu dalam

riwayat hidup seseorang - dari semenjak ia lahir hingga ia

meninggal dunia.

Berdasarkan kepada ugama Islam pondan hendaklah dituliskan sebagai

satu kesalahan berikut:

Berdasarkan kepada hukum Allah yang telah menentukan bahawa kaum lelaki adalah pemimpin kepada wanita, dan dengan anggapan bahawa lelaki adalah ketua keluarga, dan dengan anggapan bahawa adalah menjadi tanggungjawab lelaki untuk mencari nafkah untuk keluarganya, mentadbir, menjaga dan mempertahankan negara, maka undang-undang adalah digubal sedemikian rupa untuk memberi taraf kepimpinan itu kepada kaum lelaki di samping meletakkan tanggungjawab yang lebih ke atas kaum lelaki.

Dengan anggapan bahawa kaum wanita adalah lemah dan berkehendakkan pertolongan dan perlindungan bukan sahaja pertolongan dari kaum lelaki, tetapi juga perlindungan di bawah undang-undang, maka undang-undang negara telah digubal sebegini rupa untuk memberi perlindungan yang perlu kepada kaum wanita.

Hingga kini, tidak kurang dari 56 buah statut yang digubal untuk memberi kedudukan yang lebih istimewa kepada kaum wanita, dengan memberi perlindungan tertentu, di mana perlindungan yang sama tidak diberi kepada kaum lelaki.

Hingga kini, undang-undang negara tidak mengiktiraf jantina ketiga, bahkan ada undang-undang negeri yang menganggap jantina ketiga atau pondan sebagai sesuatu yang jelek, hina dan berpandukan kepada ugama Islam pondan hendaklah dihukum sebagai suatu kesalahan jenayah.

Sekarang telah timbul satu pemikiran baru, idea baru dan tanggapan baru yang mencabar konsep tradisional mengenai jantina, yang menggugat kebenaran itu sendiri, iaitu samada wujud atau tidak jantina ketiga. Api persoalan ini disemarakkan pula oleh pandangan umum, tanggapan masyarakat terhadap isu itu dengan mengadakan ruangan dalam akhbar, seminar dan konvensyen untuk merenung kembali samada wujud atau tidak jantina ketiga ini.

Undang-undang dan peraturan negara adalah berdasarkan kepada realiti dan ianya dibina di atas suatu landasan yang berteraskan tanggapan manusia terhadap sesuatu perkara yang wujud dalam bentuk realiti. Kertas ini cuba memikirkan dua tiga perkara hypothetical yang mungkin berlaku, dan ianya perlu mencari jawapan. Katakanlah Si P seorang lelaki telah ditangkap kerena memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan, suatu kesalahan di bawah S 7 Kanun Jenayah Syariah Kelantan. (Enakmen No 2, 1985) Katakanlah pula ia didapati bersalah dan dikenakan hukuman penjara selama sebulan. Memikirkan bahawa orang seperti ini tidak mudah diubat kerana jiwanya sudah menjadi perempuan, maka ia masuk penjara keluar penjara sebanyak beberapa puluh malah ratus kali. Untuk menjadikan isu bertambah rumit, bukan seorang dua malah ribuan orang seperti ini ditangkap dan dipenjarakan. Patutkah pula negara menyediakan penjara pondan khusus untuk jantina ketiga, dan berbagai-bagai persoalan lagi.

Mungkin ada orang akan mengatakan bahawa negara hanya mengiktiraf dua jantina sahaja: lelaki dan perempuan. Tetapi kita cuba meninjau lebih sedikit ke hadapan di mana ada orang yang diperanakkan sebagai lelaki, dibesarkan sebagai perempuan, dan menjalani pembedahan seks di luar negeri, dan balik semula ke Malaysia. Persoalan yang mungkin timbul ialah adakah ianya perempuan atau lelaki? Adakah ia boleh berkongsi tandas dengan

perempuan? Bersukan dengan siapa? Gelanggang mana? Jika ia dirogol, adakah perogol boleh dituduh kerana merogol perempuan atau lelaki merogol lelaki. Jika bapanya mati, adakah si X berhak mendapat perlindungan di bawah undang-undang sebagai lelaki atau perempuan, dan 101 soalan lagi boleh ditinjau.

Kertas ini cuba membawa perhatian kepada beberapa peruntukan undang-undang negara yang ada dan bertanya satu dua soalan samaada jantina X berhak mendapat perlindungan di bawah undang-undang sebagai wanita atau ia masih kekal sebagai seorang lelaki?

Buat masa ini, undang-undang negara adalah bisu dalam hal jantina X. Dengan pembisuan itu, masalah akan bertambah. Adalah diharapkan bahawa selepas seminar ini, pemerintah hendaklah membuat kenyataan samada jantina X tidak boleh diiktiraf sebagai perempuan, atau masih kekal sebagai lelaki, atau siapa mereka, kerana tanpa pengiktirafan sedemikian, maka banyak lagi masalah akan timbul, bukan sahaja setakat berkongsi tandas, tetapi soal pokok seperti harta pesaka, pemeriksaan tubuh badan oleh sesiapa, soal undang-undang jenayah, soal Hukum Syara', seperti sembahyang di mana, dan berbagai-bagai soalan lagi. Jika tiada kepastian undang-undang, orang sedemikian boleh menggunakan peluang untuk menyeludup dan mereka akan terlepas, kerana wujudnya kelonggaran undang-undang.

III

masa-mana perkataan dan perbahasaan yang ditujukan kepada kaum lelaki termasuklah perempuan.

JANTINA X DARI KACAMATA UNDANG-UNDANG NEGARA

Perlembagaan Malaysia pun, perkataan dan perbahasaan yang ditujukan khusus kepada perempuan, tidak termasuk "lelaki".

Perlembagaan Malaysia adalah bisu mengenai jantina.

Walau bagaimanapun, Perkara 8 Perlembagaan tidak milarang diskriminasi terhadap jantina. Oleh itu diskriminasi atas alasan jantina boleh dibenarkan dan ini tidak bercanggah dengan Perlembagaan seperti surat berenak dan kad kenalan. Surat berenaklah yang akan menentukan segala-galanya seperti lesen Hingga kini terdapat tidak kurang dari 56 buah undang-undang yang membezakan manusia atas alasan jantina (Lihat Lampiran A). Namun demikian, tidak ada satu undang-undang pun yang memberi definisi jantina iaitu "lelaki" dan "perempuan". Mungkin negara menganggap bahawa undang-undang tidak memerlukan definisi kerana semua orang tahu apa itu "lelaki" dan "perempuan".

Di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Akta

4) Oleh kerana undang-undang digubal secara umum, maka terpaksa dimasukkan satu peruntukan yang boleh menjelaskan kedudukan undang-undang terhadap perempuan. Seksyen 4(2) Akta Takrifan, 1967 berbunyi:

“...menyak ke atas perempuan”

S. 37 mana-mana perkataan dan perbahasaan yang ditujukan kepada kaum lelaki termasuklah perempuan.

kerana marogol lelaki.

Walau bagaimanapun, perkataan dan perbahasaan yang ditujukan khusus kepada perempuan, tidak termasuk "lelaki".

S. 36 Kebanyakan dari undang-undang negara yang membezakan lelaki dengan perempuan mengasaskan butir-butir peribadi seseorang kepada jantina yang direkodkan dalam rekod peribadi seseorang seperti surat beranak dan kad kenalan. Surat beranaklah yang akan menentukan segala-galanya seperti lesen memandu, sijil, dokumen, dan lain-lain.

S. 37 S. 37 Kaedah 4, Kaedah Pendaftaran Negara berkehendakkan butir peribadi kanak-kanak iaitu tarikh lahir dan jantina. Ianya dikehendaki oleh undang-undang sebagai bukti sesuatu fakta.

Di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, (Akta

S. 38 4) takrifan "dependent" adalah tergantung di atas jantina, samaada balu atau duda, anak lelaki atau anak perempuan.

Di bawah Kanun Kesiksaan pula, banyak kesalahan boleh dilakukan ke atas perempuan:

- S. 375 Rogol, oleh lelaki ke atas perempuan, dan bukan sebaliknya, dimana perempuan tidak boleh dituduh kerana merogol lelaki.
- S. 361 Melarikan kanak-kanak perempuan kurang dari 16 tahun daripada kawalan penjaga.
- S. 366 Menculik atau melarikan mana-mana perempuan.
- S. 373A Membawa masuk ke dalam Malaysia mana-mana perempuan bagi maksud pelacuran.
- S. 377 Melakukan persetubuhan di luar tabii, sama ada bersetubuh dengan manusia atau dengan haiwan. Melakukan persetubuhan dengan lelaki, perempuan atau haiwan melalui dubur adalah termasuk dalam seksyen ini. Persoalannya jika bersetubuh melalui faraj palsu ke atas orang yang telah menjalani pembedahan menukar jantina, adakah menjadi suatu kesalahan?
- S. 377A pula memperuntukkan bahawa mana-mana lelaki yang melakukan perbuatan lucah dengan lelaki lain adalah melakukan kesalahan. Persoalannya adakah bersalah jika melakukan perbuatan lucah terhadap jantina X?
- S. 509 Menghina atau mencerca kesucian perempuan.

Akta Fitnah, 1957

Pemeriksaan Tubuh Badan

Bolehlah dikatakan bahawa semua undang-undang negara disuarakan dan dihentikan boleh memahami etika bermakna yang wujud mengenai pemeriksaan tubuh badan adalah sama sahaja, iaitu perempuan hendaklah diperiksa oleh perempuan. Dengan ini bermakna bahawa lelaki boleh diperiksa oleh perempuan tetapi perempuan tidak boleh diperiksa oleh lelaki. Antara peruntukan undang-undang ialah:

Akta (Pekerja) Kanak-Kanak dan Orang Muda, 1966

1. S. 19 Kanun Acara Jenayah
2. S. 113 & 116 Akta Kastam, 1967
3. S. 27(9) Akta Dadah Berbahaya, 1952
4. S. 30 & 37 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960

Ibu bapa pnya.

Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973

Akta Pekerjaan 1955

Akta ini dikanunkan khas bagi melindungi wanita dan gadis dari menjadi mangsa orang yang tidak bertanggungjawab, sama ada lelaki atau perempuan. Ini bermakna bahawa kanak-kanak lelaki yang sebaya umurnya dengan gadis tidak mendapat perlindungan undang-undang, kerena undang-undang menganggap bahawa perempuan sahaja boleh dilacurkan. Berbagai bagai kesalahan telah dimasukkan dalam Akta ini seperti pelacuran, memakan hasil pelacuran, yang semuanya bertujuan untuk melindungi wanita dan gadis.

Akta Fitnah, 1957

Kaedah Penjaras 1953

S. 4 memperuntukkan bahawa mana-mana perkataan yang disuarakan dan dihebohkan yang boleh membawa erti bahawa seseorang perempuan atau gadis itu telah hilang daranya atau menuduhnya kerana berzina tidak memerlukan pembuktian kerosakan secara khusus untuk mendapat gantirugi.

Akta (Pekerja) Kanak-Kanak dan Orang Muda, 1966

S. 2 melarang mana-mana gadis di bawah umur daripada bekerja di hotel, bar, restoran, rumah tumpangan atau kelab kecuali jika tempat-tempat itu di bawah jagaan atau kawalan ibubapanya.

Akta Pekerjaan 1955

S. 34(1) melarang mana-mana perempuan dari bekerja dengan majikan antara jam 1000 malam dengan 0500 pagi. S. 35 melarang mana-mana perempuan dari bekerja di bawah tanah, seperti lombong bawah tanah, atau jalan bawah tanah.

Kaedah Penjara 1953

mengenai soalan jantina X. Dalam Corbett v Corbett [1970] 3 All ER 311.

Kaedah 77 memperuntukkan mana-mana perempuan tidak boleh disuruh bekerja di luar dari tembok penjara.

pada tahun 1960 dengan menganggarkan kemaluan lelakinya dan digantikan dengan peraturan yang sama itu ia hampir sebagai

Enakmen Pentadbiran Hukum Syaria' Negeri-negeri

Di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam di tiap-tiap buah negeri, perbezaan antara lelaki dan perempuan adalah begitu ketara sekali dimana peruntukan-peruntukan khusus telah dibuat untuk lelaki dan perempuan, terutama sekali dalam kes-kes jenayah Syarii seperti khalwat, zina, dan juga dalam undang-undang keluarga Islam seperti tanggungjawab mengenai nafkah adalah khusus bagi lelaki dan tempoh edah selepas bercerai khusus bagi perempuan.

maka termasuk juga untuk menentukan seseorang itu lelaki atau perempuan berdasarkan atas dasar perubatan

bahawa ia Semua peruntukan-peruntukan ini membuktikan bahawa terdapat diskriminasi antara lelaki dan perempuan. Persoalannya, mungkinkah taraf yang sama seperti wanita diberikan kepada lelaki yang telah menukar jantinanya?

Suatu kes telah muncul di England pada tahun 1970 mengenai soalan jantina X. Dalam Corbett v Corbett [1970] 2 All ER 33; seorang suami telah berkahwin dengan seorang yang diperanakkan sebagai lelaki tetapi telah menukar jantinanya pada tahun 1960 dengan membuang kemaluan lelakinya dan digantikan dengan faraj palsu. Semenjak itu ia hidup sebagai perempuan. Selepas 14 hari berkahwin, si suami membuat petisyen kepada Mahkamah supaya membatalkan perkahwinan itu kerana isterinya adalah lelaki dan tidak ada persetubuhan berlaku. Mahkamah telah memutuskan bahawa perkahwinan itu adalah tidak sah dan batal berpandukan kepada bukti perubatan. Mahkamah berpendapat bahawa perkahwinan adalah suatu institusi yang menjalinkan hubungan antara seorang lelaki dan seorang perempuan, maka sah atau tidaknya sesuatu perkahwinan itu adalah tergantung di atas persoalan sama ada si isteri itu lelaki atau perempuan, dan oleh kerana isteri itu adalah lelaki maka ianya adalah batal. Untuk menentukan seseorang itu lelaki atau perempuan, hakim telah memutuskan atas dasar perubatan bahawa lelaki yang mempunyai kromosom jantina lelaki, gonadal jantina lelaki, genitalnya lelaki, dari segi psychologinya seorang pondan, maka orang sedemikian adalah masih lelaki, dan perkahwinannya dengan seorang lelaki lain adalah tidak sah.

Oleh kerana undang-undang Malaysia tidak mempunyai apa-apa definisi mengenai lelaki dan perempuan, maka persoalannya adakah negara berkehendakkah definisi? Siapakah yang akan menentukan sama ada seseorang itu lelaki atau perempuan? Parlimen? Mahkamah? atau orang berkenaan yang mengaku diri mereka perempuan walaupun dari segi biologinya mereka adalah lelaki. Dari kenyataan Ketua Hakim Nagara baru-baru ini, mahkamah di Malaysia tidak mungkin akan memberi takrifan, walaupun mahkamah boleh berbuat demikian.

Oleh itu, Parlimenlah yang merupakan suatu badan pembuat undang-undang yang mesti membuat satu undang-undang untuk menghapuskan segala keraguan mengenai jantina. Soalnya bila? Masalah mula timbul pada masa ini, dan kemungkinan besar masalah ini akan menjadi besar di masa akan datang.

Pandangan Islam Terhadap Jantina X

Pandangan Islam dalam hal pembedahan menukar jantina adalah jelas, iaitu haram, dan keputusan sedemikian telah dibuat oleh Majlis Raja-Raja Melayu pada 24 Februari 1983. Fatwa itu berbunyi demikian:

Majlis (negeri-negeri yang mengambil bahagian sahaja) bersetuju dengan pendapat Jawatankuasa Fatwa berkenaan iaitu dengan pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan dan sebaliknya seperti berikut:

pula lelaki lain yang ingin meniduri mereka kerana mereka tidak

bol (a) Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram. Ini iaitu dari segi syara'; dan gi nilai moral kerana perbuatan

lelaki meniduri lelaki adalah tergolong dalam perbuatan liwat

di (b) Seseorang yang dilahirkan khususnya musykil, iaitu adalah manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat zakar ny kemaluan, lelaki dan perempuan, diharuskan tempat pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi dapat

digunakan mengikut keadaan yang sesuai. untuk mengutuk segala jenis undang-undang Islam secara bertulis dalam bentuk anaksen masih lagi kabur dalam tulis ini. Persoalan

ini Kertas ini cuba melihat dua tiga langkah kehadapan, dan meninjau implikasi fatwa sedemikian.

1. Adakah seseorang lelaki dianggap berzelah jika ia didapati bercumbu-cumbuga dengan X di tempat sunyi?

2. Bolehkah seseorang lelaki ditunduh kerana bersama jika ia menyatahui X yang telah menjalani pembedahan jantina?

Jika fatwa mengatakan bahawa pembedahan menukar jantina adalah haram, adakah ini bermakna bahawa X itu masih lelaki walaupun ia telah menjalani pembedahan? Jika undang-undang Pentadbiran Islam menganggap ia masih lelaki, maka ramai pula lelaki lain yang ingin meniduri mereka kerana mereka tidak boleh dituduh kerana berzina atau berkhalwat kerana berzina atau berkhalwat adalah perbuatan antara lelaki dan perempuan. Ini lebih membahayakan dari segi nilai moral kerana perbuatan lelaki meniduri lelaki adalah tergulong dalam perbuatan liwat di mana peruntukan undang-undang Pentadbiran Hukum Syaria' adalah tidak mencukupi untuk menghukum pesalah itu, kerana zakarnya tidak dimasukkan dalam dubur lelaki lain tetapi di tempat yang sama dengan faraj bagi perempuan.

Walaupun hukum Islam adalah jelas untuk mengutuk segala jenis maksiat, namun undang-undang Islam secara bertulis dalam bentuk enakmen masih lagi kabur dalam hal ini. Persoalan ini akan menjadi tandatanya:

1. Adakah seseorang lelaki dianggap bersalah jika ia didapati bercumbu-cumbuan dengan X di tempat sunyi?
2. Bolehkah seorang lelaki dituduh kerana berzina jika ia menyebabkan X yang telah menjalani pembedahan jantina?

3. Jika X masih dianggap lelaki walaupun ia telah menjalani pembedahan, bolehkah ia mendapat bahagian lelaki dalam pembahagian pesaka; atau oleh kerana ia tidak lagi mempunyai kemaluan lelaki, maka ia akan dianggap sebagai wanita manusia yang tidak akan mengindahkan fatwa itu, jika fatwa itu dalam hal pesaka?
- tidak secukup dengan jiwanya, terutama mereka yang tidak berpendidikan usia. Lagipun, ada sebahagian para sanior dan doktor yang ingin melaksanakan pembedahan undang khalwat antara lelaki dan perempuan Islam pun, pembedahan pasti dijalankan untuk lelaki dan X, di mana mereka Islam. Tidak ada undang-undang kesera yang menyekat doktor berkongsi bilik?
- bukan Islam melakukan pembedahan jantina ke atas X yang bukan Islam. Terhadap jantina keadaan pembedahan dalam agama Islam.
5. Jika X yang telah menjalani pembedahan telah bertaubat dan memohon ampun kepada Allah, dan ingin beribadat secara berjumaah, adakah ia dianggap lelaki dan boleh menjadi imam atau dianggap perempuan dan terpaksa berjumaah bersekali dengan perempuan.
6. Jika X yang masih dianggap lelaki pergi ke Masjid, dan orang ramai mengetahui siapa itu X, adakah batal wuduk orang yang bersalam dengannya.
7. Jika X masih dianggap lelaki, bolehkah ia menjadi saksi sebagai lelaki, umpamanya dalam kes zina. Adakah kesaksian mereka itu diterima.

8. Jika X telah mati, siapakah yang akan memandikan mayatnya dan apakah jenis nesannya, bulat atau leper?

Walau apapun fatwa yang dikeluarkan, namun ada sahaja manusia yang tidak akan mengindahkan fatwa itu, jika fatwa itu tidak secucuk dengan jiwanya, terutama mereka yang tidak berpendidikan ugama. Lagipun, ada sahaja para sarjana dan doktor yang ingin melakukan pembedahan jika tidak ke atas orang Islampun, pembedahan pasti dijalankan ke atas orang yang bukan Islam. Tidak ada undang-undang negara yang menyekat doktor bukan Islam melakukan pembedahan jantina ke atas X yang bukan Islam. Tambahan lagi, jika kemudahan pembedahan dalam negeri tidak boleh didapati, mereka akan melakukan pembedahan di luar negeri.

Dengan andaian bahawa ada manusia yang jantinanya X, apakah pula kedudukan undang-undang dalam hal ini? Walau pun bilangannya sedikit, namun bilangan orang dalam golongan ini akan bertambah di masa akan datang, kecuali ada undang-undang yang boleh melucutkan kewarganegaraan mereka dan dibuang negeri. Selagi undang-undang sedemikian tidak wujud, maka selama itulah masalah ini akan berterusan. Oleh itu undang-undang sahaja dapat menyelesaikan masalah ini

Soal pengiktirafan ialah soal undang-undang dan juga ~~akan~~
soal Hukum Syara'. Sekurang-kurangnya ada 6 permutasi yang ~~asih~~
harus dijawab dalam masalah ini.

~~menukar jantina adalah perempuan. Jika undang-~~

1. Islam milarang pertukaran jantina, maka Islam ~~masih~~
juga tidak mengiktiraf X sebagai perempuan. X ~~masih~~
~~lakian itu adalah berenggan dengan~~
~~masuk akal sekurang-kurangnya bagi orang Islam~~
masih lelaki.
2. Islam milarang pertukaran jantina, tetapi apabila seseorang telah menukar jantina di sebalik larangan itu, apakah kedudukannya? Masih ~~peri~~
lelaki? Perempuan? Bertukar menjadi X atau ~~ikan~~
dianggap sebagai sampah?
3. Bagi orang bukan Islam, apakah ~~debat~~ pandangan masyarakat terhadap mereka, sebelum dan selepas ~~reksa~~
menjalani pembedahan pertukaran jantina, masih ~~reksa~~
lelaki? Perempuan atau bertukar menjadi jantina X.
4. Apakah pandangan negara terhadap mereka yang ~~ada kat~~
bukan berugama Islam? Adakah undang-undang negara mengiktiraf mereka sebagai lelaki, ~~reksa~~
perempuan atau jantina X. Adalah diingatkan bahawa undang-undang negara tidak boleh membezakan antara orang Islam dan bukan Islam.

IV

Undang-undang negara tidak boleh mengatakan bahawa lelaki Islam yang menukar jantina masih menjadi lelaki, dan lelaki bukan Islam yang menukar jantina adalah perempuan. Jika undang-undang negara mengatakan mana-mana lelaki yang bertukar jantina adalah perempuan, maka undang-undang sedemikian itu adalah bercanggah dengan Hukum Syara', sekurang-kurangnya bagi orang Islam.

5. Jika undang-undang negara membisu seribu bahasa, maka tiap-tiap orang adalah berhak memberi takrifan masing-masing dan ini akan menjadikan masalah bertambah rumit.

6. Di pihak jantina X pula, mereka sudah semestinya-lah, dengan perbuatan mereka sendiri, mereka berkehendakkan negara dan masyarakat mengiktiraf mereka sebagai perempuan.

Inilah persoalan-persoalan yang perlu dijawab, sama ada kita hendak ataupun tidak.

IV

BEBERAPA KEMUNGKINAN

Arus kemajuan sains dan teknologi dewasa ini, terutama dalam dunia perubatan dan pembedahan, adalah lebih deras dan lebih cepat dari arus perkembangan ilmu-ilmu lain, seperti sosiologi, undang-undang dan kemanusiaan. Kadangkala arus ini telah melanda kehendak ugama, kepercayaan, adat resam dan tanggapan manusia. Salah satu daripada landaan ini ialah penukaran jantina.

Semenjak zaman Adam dan Hawa, pemikiran manusia adalah tertumpu kepada dua jantina sahaja: lelaki dan perempuan. Begitu juga dengan kehendak ugama yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul. Yang menjadi perkecualian dalam ugama Islam ialah "khunsya" di mana pembedahan untuk menukar jantina adalah diharuskan. Tidaklah dapat dipastikan di masa akan datang apa lagi yang akan terjadi kepada manusia hasil dari kemajuan sains dan teknologi.

Buat masa ini perhatian kita adalah tertumpu kepada masalah yang ditimbulkan oleh para sarjana pembedahan yang menukar jantina dari lelaki kepada perempuan. Walaupun Parlimen boleh meluluskan undang-undang melarang penukaran jantina, namun masalah itu tetap wujud, kerena si X akan

melakukan apa sahaja. "Nak seribu daya, tak hendak seribu dalih". Jika diharamkan pembedahan dalam negeri, mereka akan keluar negeri. Hasilnya serupa juga: masalah akan timbul juga.

Undang-undang hanya merupakan alat kepada kehendak politik dan kehendak masyarakat. Bila-bila masa sahaja undang-undang boleh dipinda untuk memberi pengiktirafan kepada jantina X, jika ahli-ahli Yang Berhormat berpendapat sedemikian. Sebaliknya, jika ahli-ahli Yang Berhormat berpendapat bahawa negara tidak memerlukan apa-apa pengiktirafan ke atas jantina X, maka masyarakat tidak boleh berbuat apa-apa, kecuali masyarakat jenis X sendiri yang menjadi kumpulan desak mendesak kerajaan supaya mengiktiraf mereka sebagai perempuan.

Oleh kerana undang-undang hanyalah merupakan alat politik, maka forum yang paling tepat sekali untuk membincangkan masalah ini ialah di bahagian dan cawangan parti politik dan di Parlimen. Pihak lain, termasuklah mahkamah, dewasa ini, dianggap tidak mempunyai hak untuk membincangkan sesuatu, kerana "kita telah diberi amaran supaya jangan berbuat demikian".

LAMPIRAN A

SENARAI STATUT YANG MEMBEZAKAN ANTARA
LELAKI DAN PEREMPUAN

1. Adoption Act 1952 (Revised - 1981), Act 257
2. Births and Deaths Registration Act, 1957, Act 299
3. Boy Scout Association of Malaysia (Inc) Act No 38 of 1968
4. Census Act, 1960, Act 16
5. Children and Young Persons Act 1947 (Revised - 1980), Act 232
6. Children and Young Persons (Employment) Act, 1966, No. 40 of 1966
7. Civil Law Act, 1956 (Revised - 1972), Act 67
8. Control of Imported Publications Act, 1959, Act 63
9. Criminal Procedure Code, F.M.S. Cap. 6
10. Customs Act, 1967 (Revised 1980) Act 235
11. Dangerous Drugs Act, 1952 (Revised 1980) Act 234
12. Defamation Act, 1957 (Revised 1983) Act 286
13. The Distribution Ordinance, 1958, No. 1 of 1958
14. Education Act, 1961, Act No 43 of 1961
15. Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Negeri-Negeri
16. Employees' Social Security Act, 1969, Act 4
17. Employment Act 1955 (Revised - 1981), Act 265
18. Estate Duty Act, No. 7 of 1941
19. Evidence Act 1950 (Revised - 1971), Act 56
20. Family Planning Act, 1966 No 42 of 1966

21. Federal Constitution, 1957
22. Guardianship of Infants Act, 1961 No 13 of 1961
23. Immigration Act, 1959/63 (Revised - 1975), Act 155
24. Income Tax Act 1967 (Revised - 1971), Act 53
25. Inheritance (Family Provision) Act, 1971, Act 39
26. Insurance Act, 1963 (Revised - 1972), Act 89
27. Internal Security Act 1960. Act 82
28. Interpretation Act 1967, Act No. 23 of 1967
29. Interpretation Ordinance (Revised - 1958), Cap. 1
30. Islamic Family Law (F.T.) Act 1984 (Act 303)
31. Juvenile Courts Act 1947 (Revised - 1972), Act 90
32. Kanun Jenayah Syariah Kelantan (Enakmen No 2, 1985)
33. Kidnapping Act, 1961. No 41 of 1961
34. Labour Ordinance, 1957. No 36 of 1957
35. Law Reform (Marriage and Divorce) Act, 1976, Act 164
36. Married Women and Children (Maintenance) Act 1950 (Revised - 1981), Act 263
37. The Married Women Ordinance, 1957, No. 36 of 1957
38. Midwives Act, 1966. No 54 of 1966
39. The Minor Offences Ordinance, 1955, No. 3 of 1955
40. National Association of Women's Institute (Inc) Act 1958. No 37 of 1958
41. National Registration Act, 1959 (Revised - 1972), Act 78
42. The National Service Ordinance, 1952, F.M. Ord. No 37 of 1952
43. Nurses Act: 1972, Act 14
44. Penal Code, F.M.S. Cap. 45
45. Pensions Act 1980, Act 227

46. Police Act, 1967 No 41 of 1967
47. The Prisons Ordinance, 1952, No. 81 of 1952
48. Recreational and Entertainment Facilities (Restriction on Use) Enactment, 1974, No. 3 of 1974
49. Registration of Adoptions Act 1952 (Revised - 1981), Act 253
50. Registration of Births and Deaths Act, 1957 (Revised 1983) Act 299
51. Registration of Marriages Ordinance 1952, No. 53 of 1952
52. Road Traffic Ordinance, 1958, No. 49 of 1958
53. Widows and Orphans Pension Ord. Cap. 26
54. Wills Ordinance, 1959, No. 38 of 1959
55. Women and Girls Protection Act, 1973, Act 106
56. Workmen's Compensation Act 1952 (Revised - 1982), Act 273